
[BIL. 35 JUN 2019](#)

UMP tersenarai universiti terbaik dunia

Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang merupakan salah satu universiti awam dalam Rangkaian Universiti Dunia Sejahtera apabila tersenarai antara universiti terbaik dunia dalam QS *World University Rankings* (WUR) 2020 dan QS *Symonds* (QS) baru-baru ini.

Sebagai universiti yang menerajui bidang kejuruteraan dan teknologi, UMP terus mencatat pencapaian bintang apabila berada dalam kelompok 751-800 terbaik dunia. UMP sebelum ini mencapai kedudukan 360 dalam *QS World University Rankings Asia: 2019*.

Penilaian ini dibuat berdasarkan kepada enam kriteria penilaian iaitu reputasi akademik, reputasi majikan, reputasi fakulti, perkadaran pengantarabangsaan fakulti dan perkadaran pelajar antarabangsa. Bagi penarafan ini, UMP menunjukkan UMP berada di kedudukan 360 terbaik dunia manakala prestasi baik dalam indikasi reputasi fakulti di kedudukan 501 terbaik dunia.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff, pencapaian ini menyerlahkan komitmen UMP dalam pembelajaran di UMP yang sentiasa memberi fokus kepada pelbagai aspek teknikal dan teknologi.

“Pencapaian ini merupakan petunjuk yang baik bahawa pendekatan pengajaran dan penyelidikan di universiti ini yang kompeten menepati kehendak industri serta mendapat pengiktirafan antarabangsa,” katanya.

Selain itu, instrumen penanda aras ini membolehkan UMP mengkaji dan memperbaiki pencapaian universiti ini untuk bergerak maju sebagai pemain global bagi mencapai misi dan visi yang telah ditetapkan serta berada pada kedudukan 360 dalam memperkasa latihan kemahiran Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di negara ini.

Universiti ini akan terus meningkatkan prestasi dan amalan terbaik bagi memperkasa bidang pendidikan di peringkat dunia dalam ekosistem kejuruteraan dan teknologi dengan lebih kreatif juga inovatif yang dapat memanfaatkan

Pemeriksaan pendidikan TVET agenda utama

Sebagai sebuah Universiti Awam (UA) dalam Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN), Univeriti Teknikal Malaysia memartabat dan memperkasa agenda transformasi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2050.

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Sri Ibrahim Ahmad berkata, TVET juga mampu melahirkan tenaga kerja berkualiti tinggi untuk industri dan negara bagi berdepan Revolusi Industri 4.0.

“Dengan menggunakan kepakaran yang dimiliki universiti, tahap kecekapan dan produktiviti industri dapat dinaikkan dan berdepan dengan cabaran teknikal.

“Justeru, UMP perlu berkolaborasi mantap dengan agensi berkaitan yang mampu menyumbang lebih banyak tenaga kerja berkualiti tinggi dalam melahirkan graduan yang kompeten,” katanya pada program *Coffee Talk With UMP Chairmen* pada 14 Jun 2019 yang lalu.

Hadir sama Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff, ahli Lembaga Pengarah UMP, Prof. Dr. Mohd Zafir Ibrahim Nor, Shaiful Suliman dan Mohd Fuad Kamal Ariffin.

Menurut Dato' Sri Ibrahim lagi, dalam menjadikan sesebuah organisasi itu cemerlang perlu mempunyai visi yang jelas dan berkesan serta bekerjasama.

“Setiap tugas atau tanggungjawab yang diberikan kepada warganya mestilah dipilih berdasarkan kebolehan dan kecekapan mereka.

Beliau menasihatkan warga kerja UMP agar melaksanakan tugas yang diberikan dengan penuh amanah

Ujarnya, warga kerja atau staf merupakan aset yang berharga buat universiti. Dengan mewujudkan pro warga kerja untuk menyambung pengajian, pembangunan bakat, peluang kenaikan pangkat juga peluang luar negara.

Turut dititik-beratkan adalah pencapaian, tatacara kerja dan governan selain beberapa perkara dalam pengurusan pelanggan, staf, pengurusan risiko, perolehan dan aset.

Bagi Pengurus Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat (ICoN) merangkap Presiden Persatuan Pegawai Mohd Rais amat teruja dengan perkongsian aspirasi Pengerusi Lembaga Pengarah UMP yang banyak menjadi lebih cemerlang pada masa akan datang.

Beliau turut berterima kasih atas keprihatinan pihak universiti bagi meningkatkan kredibiliti staf menerusi pe

Manakala Presiden Kesatuan Kakitangan Sokongan UMP (KESUMP), Abd. Latip Haji Deris turut mem kalinya diadakan ini sebagai sebagai platform melibatkan pihak LPU dalam memainkan peranannya dan UMP terus cemerlang dan menjadi rujukan.

Sementara itu, Timbalan Presiden Persatuan Kakitangan Akademik (PAKAD), Ahmad Johari Mohama dengan pengurusan dan warga kerja ini dapat memberi peluang untuk mendapatkan pencerahan d berkenaan Nilai Teras UMP (*Core Value*) iaitu hubungan yang kuat dengan yang maha Pencipta, teguh kreatif membuat keputusan yang bijaksana, cekal menghadapi cabaran dan pro aktif dalam tindakan sebag

Seramai 300 warga kerja dalam kalangan pengurusan universiti, ahli PPTI dan KESUMP hadir dalam Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Kamal Zuhairi Zamli, Timbalan Naib Canselor (Hal El Yuserrie Zainuddin dan Ketua Pegawai Operasi merangkap Pendaftar, Profesor Madya Dr. Mohd Ridzuan

UMP kekal cemerlang 96 peratus kebolehpasaran graduan per

Kadar kebolehpasaran graduan (GE) Universiti Malaysia Pahang (UMP) kekal cemerlang dengan melonjak 10 peratus tahun lalu mengatasi Universiti Awam (UA) yang lain.

Pencapaian ini melepasi sasaran sebanyak 80 peratus pencapaian yang ditetapkan Kementerian Pendidikan.

UMP kini berada pada kedudukan terbaik hasil kerjasama pihak industri dan berjaya melahirkan keusahawanan juga seimbang yang menepati keperluan industri.

Pengumuman ini dibuat Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff sempena Majlis Sarung Pakaian 2019 pada 14 Jun 2019 yang lalu yang berlangsung di Dewan Bankuet, Canseleri Tun Abdul Razak, UMP Pekan.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Sri Ibrahim Ahmad, Ketua Pegawai Operasi merangkap Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Kamal Zuhairi Zamli dan Naib Canselor UMP.

Menurut Profesor Ir. Dr. Wan Azhar, beliau melahirkan rasa bersyukur dengan pencapaian ini dan meneruskan pada masa akan datang.

Dalam pada itu, pihaknya menghargai warga UMP yang dapat hadir dalam kesederhanaan acara hari ini.

“Warga UMP daripada pelbagai peringkat dapat berhimpun dalam suasana ukhuwah yang mesra, meneruskan agenda kegemilangan UMP dengan wehdah al-fikri (kesatuan pemikiran) dan wehdah al-amal (kesatuan tindakan).”

“Hari ini merupakan hari ke-30 saya memikul tanggungjawab sebagai Naib Canselor dan dalam tempoh 30 hari ini kewajipan ini amatlah berat dan mencabar bagi meneruskan momentum UMP menuju kegemilangan.”

“Justeru, majlis pada hari ini turut mengabadikan apresiasi kepada mantan Naib Canselor, Profesor Dato' Sri Ibrahim Ahmad.”

Pihak universiti ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Naib Canselor UMP ketiga yang mana merupakan Bapa Transformasi universiti ini dalam memartabatkan UMP menjadi antara universiti terbaik A

Sambutan Aidilfitri peringkat UMP ini turut dimeriahkan dengan kehadiran hampir 2,000 tetamu dan ini ju mengeratkan silaturahim di antara seluruh warga UMP.

Majlis yang bermula pada jam 10.30 pagi ini menyajikan menu raya bertemakan Kasih Sayang seperti N Puding Sehati Sejiwa, Air Balang Ombak Rindu, Sate Kasih UMP, Lemang dan Rendang Daging Sejoli, Kacang Jalinan Kasih, Apam Balik UMP Dihatiku, Kambing Golek Sesuci Lebaran serta Cendol Manis Men

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Salful Bahri Ahmad Bakarim
salfulbahri@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
safriza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap artikel yang diterima. Pihak Sidang Editorial tidak mengubah isi tulisan. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang disiarkan adalah atas kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan data.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, adalah hak milik Sidang Editorial. Karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit.

EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: safriza@ump.edu.my



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



• 86 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

